

06/02/1998

Rumah penjelasan urus dagangan Asean (HL)

M Thillinadan in Bangkok

BANGKOK, Khamis - Malaysia, Thailand dan Indonesia bersetuju menubuhkan sebuah rumah penjelasan pusat bagi mengendalikan perdagangan di antara negara Asean dengan menggunakan mata wang masing-masing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari berkata, Malaysia akan bekerjasama dengan Indonesia dan Thailand supaya rumah penjelasan itu dapat ditubuhkan secepat mungkin.

"Mereka bersetuju mengadakan perdagangan menggunakan mata wang tempatan. Indonesia juga sudah bersetuju," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan pertemuan dua jam dengan rakan sejawatannya di sini, Chuan Leekpai.

Pertemuan empat mata itu diikuti jamuan makan malam meraikan lawatan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Esok, Dr Mahathir akan melawat Pejabat Kedutaan Malaysia di sini.

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun perdagangan itu membabitkan sektor swasta di negara Asean, kerajaan masing-masing akan menyelaraskan mekanisme pertukaran asing.

Menurutnya, Chuan, yang bersetuju dengan penubuhan rumah penjelasan itu mencadangkan salah seorang Timbalan Perdana Menteri Thailand dihantar ke Kuala Lumpur untuk mengadakan perbincangan susulan dengan rakan sejawatan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Rumah penjelasan ini adalah mekanisme pertukaran dan membabitkan penyertaan Kementerian Kewangan negara anggota Asean. Saya berharap ia akan membabitkan seluruh Asean.

"Indonesia dan Thailand sudah bersetuju. Yang perlu sekarang ialah mencari satu mekanisme. Saya juga akan mencadangkan perkara ini kepada Filipina," katanya.

Dr Mahathir yang akan berlepas ke Manila esok untuk mengadakan perbincangan yang sama dengan Presiden Fidel Ramos berkata, pengendalian penubuhan rumah penjelasan itu akan dilakukan oleh Kementerian Kewangan kerana ia membabitkan urusan tukaran asing.

Beliau yakin akan mendapat persetujuan semua negara Asean bukan saja untuk menggunakan mata wang masing-masing bagi tujuan perdagangan, tetapi mencapai persetujuan mengenai mekanismenya.

(END)